

## **Kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Tenaganita dalam Membanteras Jenayah Perdagangan Manusia untuk Eksploitasi Seksual di Malaysia**

*Royal Malaysian Police (PDRM) and Tenaganita Cooperation in Combating Trafficking Crimes for Sexual Exploitation in Malaysia*

**Nafisah Ilham Hussin<sup>1</sup>, Ahmad Miqdad Shamsuddin<sup>2</sup>, Marshelayanti Mohamad Razali<sup>3</sup> & Siti Noranizahhafizah Boyman<sup>4</sup>**

<sup>1,3 & 4</sup> *Jabatan Pengajian Kemasyarakatan & Kewarganegaraan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.*

<sup>2</sup> *Jabatan Akidah & Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.*

*Email: nafisah@fsk.upsi.edu.my*

### **Abstrak**

Kajian ini membincangkan kerjasama PDRM dan Tenaganita dalam membanteras jenayah perdagangan manusia untuk eksploitasi seksual di Malaysia. Terdapat dua objektif dalam kajian ini. Pertama, meneliti usaha-usaha yang telah dilakukan oleh PDRM dan Tenaganita dalam membanteras jenayah perdagangan manusia untuk eksploitasi seksual. Kedua, menilai kerjasama PDRM dan Tenaganita dalam membanteras jenayah perdagangan manusia untuk eksploitasi seksual. Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif melalui temu bual secara mendalam semi struktur ke atas tujuh orang informan. Hasil kajian menunjukkan kedua-dua agensi ini iaitu PDRM dan Tenaganita telah memainkan peranan penting dalam membanteras jenayah perdagangan manusia untuk eksploitasi seksual melalui pelbagai usaha yang telah dilakukan. Di sisi PDRM lebih kepada aspek penguatkuasaan, penyelamatan dan kesedaran yang bertujuan menjamin hak asasi mangsa dan juga keselamatan insan dan negara. Manakala Tenaganita pula dari aspek advokasi, pencegahan dan pemulihan di mana ianya bertujuan membela hak asasi mangsa. Dari aspek kerjasama antara kedua agensi ini lebih kepada penguatkuasaan dan kesedaran berbanding bentuk kerjasama yang lain. Secara keseluruhan, usaha-usaha serta kerjasama yang telah dilakukan menunjukkan kesungguhan kedua-dua agensi dalam membanteras jenayah ini.

**Kata kunci:** PDRM, Tenaganita, Perdagangan Manusia untuk Eksploitasi Seksual

### **Abstract**

*This study discusses the cooperation between PDRM and Tenaganita in eradicating human trafficking for sexual exploitation crimes in Malaysia. There are two objectives in this research. First, examining the efforts of PDRM and Tenaganita in eradicating human trafficking for sexual exploitation in Malaysia. Second, assessing cooperation by PDRM and Tenaganita in eradicating human trafficking for sexual exploitation in Malaysia. The method applied in this research is based on qualitative approach through semi structural in-depth interviews on seven informants. The findings of this research point out that the important tasks taken by PDRM and Tenaganita in eradicating human trafficking for sexual exploitation in Malaysia are carried through various efforts. PDRM's enforcement, rescue and awareness aspects are aimed at ensuring the human rights of victims and also human and state security. While Tenaganita is advocating, prevention and rehabilitation, where it aims to defend the rights of victims. From the aspect of cooperation between the two agencies, enforcement and awareness are important than other forms of cooperation. Overall, efforts and cooperation have shown the seriousness of the two agencies in combating this crime.*

**Keywords:** PDRM, Tenaganita, Human Trafficking for Sexual Exploitations


### **Pengenalan**

Pemerdagangan manusia kini berkembang pesat menjadi 'epidemik' di seluruh dunia ekoran aktiviti ini memberikan pulangan lumayan dan berlipat kali ganda keuntungan kepada pihak pemerdagang. Aktiviti pemerdagangan manusia telah menjana pendapatan sebanyak US\$150 billion setahun dan ini secara tidak langsung telah menarik perhatian kumpulan-kumpulan jenayah dan membawa kepada penyelewengan serta penyalahgunaan di peringkat global (*The United Nations Children's Fund*

(UNICEF), 9 Mac 2015). Pernerdagangan manusia sehingga kini masih berlaku secara meluas di negara ini kerana faktor-faktor seperti permintaan yang tinggi dari sudut pasaran gelap terutamanya pelacuran dan perkhidmatan seksual. Mangsa ditipu dan dijanjikan peluang pekerjaan yang baik serta gaji yang lumayan. Namun, sebaliknya terjadi setelah tiba di negara destinasi, mereka dipaksa menjadi pelacur (Jabatan Penerangan Malaysia, 21 Jun 2015; Suhana & Ali, 2014; Naim, 2006; Azizah, 2001; Irene, 1995).

Jenayah ini memberikan keuntungan yang berlipat kali ganda kepada sindiket (Frisanick, 2010; Phinney, 2001; Miko & Park, 2003; Hugh, 1984). Phinney (2001) menyatakan jenayah pernerdagangan manusia mendatangkan risiko yang rendah kepada pihak yang mengatur dan memberi implikasi yang besar ke atas mangsa. Kara (2010), menegaskan bahawa pengedaran dadah menjana pendapatan yang besar tetapi pernerdagangan wanita lebih menguntungkan. Ianya tidak seperti dadah, wanita tidak perlu ditanam, diusahakan, disuling, dibungkus atau dipakej. Seorang wanita boleh digunakan berkali-kali perkhidmatannya berbanding dengan dadah. Miko & Park (2003) dan Frisanick (2010) mengatakan tujuan pernerdagangan manusia adalah untuk pekerja seksual, buruh paksa yang merupakan salah satu bidang yang pesat membangun dalam konteks jenayah antarabangsa dan kegiatan ini telah mewujudkan kebimbangan global. Ini disokong oleh hujah Kotrle (2010) dan Hodge (2008) yang menyatakan jenayah pernerdagangan manusia untuk eksploitasi seksual merupakan jenayah terancang yang menguntungkan dan berkembang pesat dengan lebih cepat berbanding dadah.

Malaysia terlibat dengan pernerdagangan manusia. Malaysia adalah negara destinasi, sedikit sebanyak negara sumber dan transit bagi jenayah pernerdagangan manusia terutamanya eksploitasi seksual dan buruh (Suhana & Ali, 2014; Sheila, 2013; *TIP Report* 2012, 22 Julai 2013; Diana & Gusni, 2002). Malah, Malaysia juga turut menjadi hab kepada lambakan pelacur asing dari negara-negara Asia (Zarin et al., 2015). Buktinya, merujuk kepada statistik mangsa pernerdagangan manusia untuk eksploitasi seksual lebih tinggi berbanding kategori lain di dalam pernerdagangan manusia<sup>1</sup> (ATIPSOM,<sup>2</sup> PDRM, 2015; MAPO,<sup>3</sup> 2015). Rajah 1 menunjukkan pada tahun 2010, jumlah mangsa adalah seramai 170 orang. Berbeza pada tahun 2011 dan 2012, berlaku penurunan iaitu masing-masing seramai 130 dan 115 orang. Manakala pada tahun 2013, berlaku peningkatan, menjadi 142 orang. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2014 dan 2015, berlaku penurunan iaitu 120 dan 119 orang.



Sumber: Unit ATIPSOM, PDRM, (2015).

Rajah 1: Mangsa Pernerdagangan Manusia untuk Eksploitasi Seksual dari Tahun 2010 Sehingga 2015

<sup>1</sup>Jenis eksploitasi dalam pernerdagangan manusia terdiri daripada seks (eksploitasi seksual), buruh paksa, perhambaan, pengabdian dan pemindahan organ dan pernerdagangan bayi.

<sup>2</sup>ATIPSOM ialah singkatan bagi *Anti-Trafficking in Persons and Smuggling of Migrants* atau Unit Antipernerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran.

<sup>3</sup>MAPO ialah singkatan bagi Majlis Antipernerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran.

Di Malaysia, pemerdagangan manusia untuk eksploitasi seksual merupakan isu yang utama dan tertinggi (Unit ATIPSOM, PDRM, 2015; MAPO, 2015). Merebaknya jenayah ini telah mendorong banyak negara berusaha membanterasnya termasuk Malaysia. Justeru, kajian ini dilakukan untuk meneliti dan menilai usaha-usaha yang telah dilakukan oleh PDRM dan Tenaganita dalam membanteras jenayah pemerdagangan manusia untuk eksploitasi seksual di Malaysia.

## **Kajian Berhubung Usaha-usaha dalam Membanteras Jenayah Pemerdagangan Manusia**

Kajian berhubung usaha-usaha dalam membanteras jenayah pemerdagangan manusia di Malaysia adalah terhad berbanding kajian-kajian dari luar negara. Terdapat beberapa penulis yang membincangkan secara umum berhubung usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan Malaysia dan juga badan bukan kerajaan (NGO)<sup>4</sup> dalam membanteras jenayah ini.

Sheila, 2016 & 2013; Reseman et al., 2015; Wan Nur Ibtisam, 2014; Ahmad et al., 2011, memfokuskan kepada kajian mengenai usaha-usaha kerajaan Malaysia dalam membanteras atau membasmi jenayah pemerdagangan manusia dengan mengkaji dari aspek perundangan dan penguatkuasaan. Manakala Rohani et al., (2015), Suhana & Ali (2014), Norcikeyonn & Nor-Ina (2013) membincangkan bagaimana peranan kerajaan Malaysia dari aspek penguatkuasaan, perundangan, perlindungan, kerjasama dengan negara luar di mana kesemuanya merupakan komitmen kerajaan yang bersungguh-sungguh dalam membanteras jenayah pemerdagangan manusia. Rohani, et.al. (2015), menambah, selain daripada elemen-elemen yang dibincangkan, kerajaan Malaysia juga melakukan pelbagai aktiviti atau program berhubung kesedaran dan program pendidikan yang terdiri dalam kalangan pegawai kerajaan, orang awam, pelajar dan juga NGO. Suhana & Ali (2014) menegaskan, *National Council of Women's Organisations* (NCWO) merupakan NGO dilantik di dalam MAPO memainkan peranan penting dalam menganjurkan kempen kesedaran awam. Selain itu, Persatuan Perancang Keluarga (*Family Planning Association*) pulatelah menganjurkan program termasuk seminar dan dialog berkaitan dengan pemerdagangan manusia sebagai ruang kepada NGO untuk berkongsi idea dan juga menyediakan bantuan kepada kerajaan terutama dari segi perlindungan ke atas mangsa.

Tenaganita merupakan salah satu NGO di Malaysia yang memainkan peranan penting dalam memperjuangkan nasib pendatang asing tanpa izin (PATI) dan juga mangsa-mangsa pemerdagangan manusia ini tidak kira dari aspek pelacuran (eksploitasi seksual), pekerja domestik dan kanak-kanak yang telah dieksploitasi dari aspek hak asasi mereka selain terancam dari aspek keselamatan insan. Tenaganita telah melakukan pelbagai usaha dalam memperjuangkan nasib mangsa-mangsa dengan memberi bantuan, menyuarakan isu-isu yang bersandarkan kepada pemerdagangan manusia berhubung kelemahan rang undang-undang imigresen di Malaysia. Hasil penulisan Irene Fernandez (Pegarah Tenaganita), mengemukakan pendapat bahawa amalan melalui ejen-ejen tertentu yang tidak bertanggungjawab seringkali berkesudahan dengan situasi di mana pekerja ini terpaksa bekerja dalam keadaan yang sering diancam oleh pihak berkuasa kerana golongan ini telah ditipu dengan janji-janji palsu untuk mendapatkan pekerjaan yang baik tetapi sebaliknya. Di samping itu, wujudnya satu bentuk kelaziman di mana industri seksual berkait rapat dengan aktiviti migrasi (Tenaganita 1995).

Rohani, et.al. (2015) menambah, NGO memainkan peranan penting dalam menangani isu pemerdagangan manusia, contohnya seperti NCWO dan juga Majlis Kebajikan Kanak-kanak (MKKM). NCWO lebih memfokuskan kepada kempen kesedaran, latihan iaitu *Training of Trainers* (TOT) yang diwakili oleh guru-guru, pelajar, jururawat, pekerja dari sektor awam dan juga NGO-NGO lain. Manakala MKKM pula mengadakan sesi dialog dalam kalangan NGO dalam usaha membanteras jenayah pemerdagangan manusia. Secara keseluruhan kajian-kajian yang dibincangkan berhubung usaha-usaha dalam membanteras jenayah pemerdagangan manusia untuk eksploitasi bersifat umum berbanding kajian ini yang memfokuskan kepada usaha PDRM dan Tenaganita serta kerjasama antara kedua agensi ini dalam usaha membanteras jenayah pemerdagangan manusia untuk eksploitasi seksual. Kelompangan ini diisi untuk menambah wacana berhubung pemerdagangan manusia di Malaysia.

---

<sup>4</sup>NGO singkatan bagi *non-governmental organization*.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Temu bual semi-struktur secara mendalam digunakan di dalam kajian ini. Pemilihan informan adalah melalui persampelan bertujuan (*purposive sample*). Informan dipilih berdasarkan keperluan kajian dan merujuk kepada kepakaran berhubung jenayah ini. Bagi kajian ini, informan adalah seramai tujuh orang. Informan terdiri dari pihak PDRM, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Majlis Antipenyeludupan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO), Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS) dan juga Tenaganita. Dalam kajian ini, semua nama informan yang terlibat menggunakan nama samaran mengikut agensi. Maklumat tidak didedahkan atas tujuan kerahsiaan.

Data yang diperolehi direkod menggunakan rakaman elektronik. Kemudian, data-data yang diperolehi ditranskrip secara tematik supaya susunan lebih sistematik. Seterusnya, pengekodan data dilakukan.

Selain itu, pengumpulan data sekunder juga dilakukan melalui maklumat atas talian berhubung PDRM dan Tenaganita. Selain dokumen, laporan statistik, jurnal, buku-buku dan bahan-bahan yang berhubungan dengan kajian ini digunakan.

## Hasil Kajian dan Perbincangan

Hasil kajian merujuk kepada dua aspek. Pertama, meneliti usaha-usaha yang telah dilakukan oleh PDRM dan Tenaganita dalam membanteras jenayah pemerdagangan manusia untuk eksploitasi seksual. Kedua, menilai kerjasama PDRM dan Tenaganita dalam membanteras jenayah pemerdagangan manusia untuk eksploitasi seksual.

### Usaha-usaha PDRM dan Tenaganita

Perbincangan dimulakan dengan usaha dari pihak PDRM dan diikuti oleh Tenaganita. PDRM merupakan salah satu agensi di bawah bidang penguatkuasaan dan merupakan ahli di dalam MAPO. Bagi kes ATIPSOM, dilaksanakan di bawah unit ATIPSOM selain operasi bersama Bahagian D7 (Kongsi Gelap, Judi dan Jenayah). Kebanyakan kes pemerdagangan manusia untuk eksploitasi seksual dikendalikan oleh PDRM kerana ianya merupakan salah satu kepakaran agensi ini. Namun begitu, terdapat juga kes pemerdagangan manusia yang lain seperti eksploitasi buruh paksa dikendalikan oleh PDRM. Perkara ini disahkan oleh kesemua informan di dalam kajian ini. Bagi kajian ini, peranan PDRM adalah dari aspek penguatkuasaan, penyelamatan dan kesedaran.

Peranan utama PDRM dalam membanteras jenayah ini adalah dengan melakukan pencegahan, risikan, siasatan, serbuan, tangkapan, penyelamatan dan lain-lain. Ini disokong oleh PDRM 1 yang menegaskan, “*we try to rescue the victims and try to arrest any syndicate*”. Sehubungan itu, PDRM 1, 2 & 3 menegaskan, “dalam usaha membanteras jenayah ini, pihak PDRM telah mengadakan kursus, bengkel, latihan, seminar dan perbincangan berhubung pemerdagangan manusia kepada pegawai penguatkuasa untuk memberi kefahaman, informasi berhubung jenayah ini. Kenyataan ini turut disokong oleh JIM 1 yang menambah:

“JIM akan meminta bantuan di pihak PDRM untuk memberikan taklimat berhubung jenayah pemerdagangan manusia, khususnya eksploitasi seksual kerana ini merupakan kepakaran pihak PDRM. JIM masih baru dan kita biasanya lebih kepada masalah PATI berbanding isu ini”.

Selain itu, PDRM juga turut mengadakan ceramah serta kempen berhubung jenayah ini. PDRM turut dijemput ke universiti awam, diberikan slot khas membincangkan peranan PDRM dan bahayanya jenayah ini. IKMAS menambah:

“Kita menganjurkan kempen kesedaran di beberapa universiti awam. Kesemua program ini dihadiri oleh PDRM, JIM, Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Jabatan Peguam Negara dan IKMAS sendiri di mana ceramah ini diberikan merangkumi bidang tugas ‘*state responses to human trafficking*’.

Merujuk keratan akhbar dari Harian Metro, Asisten Superitenden Mohd Hadzwan Zulkefle (Pegawai Unit Anti Pmerdagangan Orang (ATIP) D7, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Bukit Aman, mengatakan bahawa PDRM telah melakukan kerjasama yang erat dengan MAPO dalam usaha mencari penyelesaian jenayah pmerdagangan manusia. PDRM telah melakukan program yang bertujuan memberi kesedaran kepada semua pihak termasuk agensi kerajaan, NGO, orang ramai agar semua pihak memainkan peranan penting (Harian Metro, 11 Jun 2013).

Merujuk kepada usaha memberi kefahaman dan informasi berhubung jenayah pmerdagangan manusia, pihak penguatkuasaan khususnya telah memberikan garis panduan dalam membezakan mangsa dan bukan mangsa. Ini kerana seringkali pegawai tersilap dalam membezakan mangsa pmerdagangan manusia dengan penyeludupan migran. Melalui garis panduan ini secara tidak langsung, banyak kes kekeliruan ini berjaya dibanteras dalam usaha menjamin keselamatan insan dan hak asasi mangsa. Maklumat ini diperolehi hasil dari temu bual ke atas PDRM 1 dan juga JIM 1.

Kes 1:

Semasa tiba di Malaysia, S dikurung, diletakkan di bilik bawah tanah dan beliau diarahkan tidak memberitahu sesiapa berkenaan diri beliau atau diugut akan diserahkan kepada pihak imigresen. S dipaksa melayan 5 pelanggan setiap hari dan tidak pernah menerima bayaran secara peribadi dan mendapati dirinya tanpa bantuan.

Soalan: Adakah S diperdagangkan atau diseludup?

Jawapan: Beliau adalah mangsa pmerdagangan manusia kerana dikurung atau dihadkan pergerakan, diugut akan diserahkan kepada pihak imigresen jika memberitahu orang lain berkenaan dirinya dan dipaksa melacur diri.

Kes 2:

S seorang warganegara China telah dijemput oleh rakan kepada keluarga untuk datang ke Malaysia dan beliau diberitahu boleh bekerja sebagai setiausaha dengan pendapatan sebanyak RM3,000 sebulan. S telah diberitahu bahawa perbuatan itu salah tetapi beliau bersedia menanggung risiko.

Adakah S diperdagangkan atau diseludup?

Jawapan: S diseludup kerana beliau meninggalkan negaranya dengan segala pengetahuan bahawa beliau memasuki Malaysia secara haram atau salah.

Selain itu, dalam usaha membanteras jenayah pmerdagangan manusia, PDRM turut menghadiri seminar di peringkat antarabangsa seperti persidangan ASEANAPOL (*ASEAN Chiefs of National Police*) dengan beberapa negara-negara Asia Tenggara yang lain berhubung penentangan terhadap pmerdagangan manusia (Tenaganita et al. 2007). PDRM 3 menyatakan, "PDRM juga mengikuti *ASEAN Head Special Unit* iaitu mesyuarat diadakan dua kali setahun. *Meeting* ini tujuannya, *to get information*, untuk *capacity training*, untuk salur maklumat, *networking*". PDRM 1 & 2 menambah, terdapat kerjasama dari segi perkongsian maklumat dan perisikan antara kerajaan Malaysia dan ASEANAPOL:

"Erm...*Example*, *rescue* orang Indonesia, kita yakin ejen pmerdagangan manusia untuk eksploitasi seksual, orang Indonesia, *colloboratian* la. Kita tahu nama dia Joko, kita ada maklumat dia, ada *phone number* dia. So, kita mohon bantuan tolong cek, *identify this person*... ini *request* kita. Kita ada data tapi tak cukup...kita mohon dari kerajaan Indonesia untuk *identify* Joko... Ni bantuan antara ASEANAPOL dan PDRM untuk perkongsian maklumat dan perisikan". (PDRM 1).


Kenyataan ini turut disokong oleh MAPO. MAPO menyatakan ada kalanya kes di Vietnam dapat ditangkap, di Malaysia juga dapat ditangkap. Dua kes ini saling berkaitan. Maknanya, kerjasama PDRM di peringkat antarabangsa. Adanya, *intelligence sharing*, kerjasama dari segi siasatan dan sebagainya. Mereka juga berusaha untuk mengadakan usaha bersepadu dalam kalangan penguatkuasa dan latihan berterusan agar semua pegawai penguatkuasa seluruh negara mendapat pendedahan dan pengetahuan sepatutnya berkaitan jenayah ini. PDRM 1 menambah, “kita mempunyai hubungan yang baik dengan *Liaison Officer* (LO) di setiap kedutaan dan konsulat di Malaysia bagi mendapatkan input dan perkongsian maklumat”.

Selain itu, PDRM juga turut melakukan serbuan ke atas premis-premis yang berhubungan dan tangkapan serta menyelamatkan mangsa pemerdagangan manusia untuk eksploitasi seksual dan juga mangsa-mangsa lain dalam jenayah pemerdagangan manusia. Contohnya, serbuan ke atas sebuah premis hiburan di Taman Tunku Hamidah, Sungai Petani yang telah berjaya menyelamatkan 18 orang warga asing dari menjadi mangsa eksploitasi seksual. Dalam serbuan tersebut, polis turut sama menahan individu yang menjaga premis tersebut. Di samping itu, dirampas beberapa peralatan yang digunakan dalam pusat hiburan dan juga beberapa buah kenderaan yang digunakan membawa wanita asing ke pusat hiburan tersebut (Berita Harian, 23 November 2017). Kes lain yang menunjukkan kesungguhan PDRM dalam membanteras jenayah ini ialah di Ipoh, Perak pada 11 Mac 2017 iaitu polis telah berjaya menyelamatkan 20 orang mangsa eksploitasi seksual, 19 orang wanita warga Myanmar dan seorang wanita warga Vietnam. Mereka berjaya menahan pekerja yang berhubungan dan merampas barangan seperti wang tunai, kondom, ‘*walkie talkie*’, televisyen, telefon bimbit, *close circuit television* iaitu alat kawalan CCTV, alat kawalan jauh pintu rahsia serta utama, lesen perniagaan dan mesin pengira (Utusan Melayu, 12 Mac 2017). Seterusnya, bukti kesungguhan dan usaha PDRM dalam membanteras jenayah ini adalah kes di Alor Setar, pihak PDRM telah berjaya menyelamatkan tiga wanita warganegara Thailand yang menjadi mangsa eksploitasi seksual di sebuah hotel bajet di Kalan Lengkok Sari. Di samping menahan penjaga premis dan merampas barangan seperti kondom, tiub *KY Jelly* dan buku catatan pelanggan (Sinar Harian, 7 April 2017).

Pihak PDRM yang telah membuka kertas siasatan perlu menyiasat kes ini dan mangsa di bawah tanggungjawabnya sepanjang tempoh *Interim Protection Order* (IPO), contohnya mangsa sakit, mereka perlu menguruskan mangsa ke klinik kesihatan dan sebaliknya. Walau bagaimanapun, selepas mahkamah menjatuhkan perintah *Protection Order* (PO), mangsa akan dikendalikan sepenuhnya oleh pihak rumah perlindungan. Maklumat ini dinyatakan oleh lima orang informan dalam kajian ini.

Rajah 2 menunjukkan statistik kes melalui usaha-usaha PDRM mengikut kontinjen (14 buah negeri) dari tahun 2010 sehingga 2015. Statistik ini menunjukkan kesungguhan PDRM membanteras jenayah ini. Kes yang tertinggi bagi tahun 2010 ialah bagi kontinjen negeri Sarawak sebanyak 13 kes, diikuti Selangor 12 kes dan Sabah 10 kes. Bagi tahun 2011 pula, Selangor 5 kes diikuti Sarawak 3 kes. Manakala tahun 2012, Kuala Lumpur dan Selangor masing-masing 8 kes. Tahun 2013 pula, Selangor berada di kedudukan tertinggi sebanyak 11 kes, diikuti Sabah 6 kes dan Johor 3 kes. Tahun 2014 dan 2015, kontinjen tertinggi ialah Selangor iaitu 8 dan 15 kes, diikuti Kuala Lumpur 6 kes pada tahun 2014 dan Sabah 5 kes pada tahun 2015. 1 kes yang dikendalikan oleh PDRM boleh mewakili 2, 3, atau 20 orang mangsa, malahan lebih dari itu. Ini kerana 1 tangkapan adalah 1 kes walaupun sekali tangkapan jumlah mangsanya ramai. Contohnya serbuan di A, pekerja seksual yang diselamatkan ialah 65 orang. Ini adalah 1 kes iaitu 1 IP dibuka dan di dalamnya terdapat 65 orang mangsa. Berbanding dengan pertuduhan, pendekatannya yang digunakan berbeza. Ini kerana 1 kes, boleh jadi 2, 3 atau sebaliknya pertuduhan. Ini kerana terma bagi setiap jabatan tidak sama. Perkara ini turut ditegaskan oleh PDRM 1. PDRM 1 menambah:

“Di setiap negeri, tak de unit ATIP khusus tetapi PDRM guna platform Bahagian Kongsi Gelap, Maksiat dan Perjudian (D7), di setiap kontinjen negeri untuk *monitor* siasatan ATIP”.



Sumber: Unit ATIPSOM, PDRM, 2016

Rajah 2: Kontinjen di dalam PDRM yang Mengendalikan Kes ATIPSOM dari Tahun 2010 Sehingga 2015

Di sini jelas bahawa PDRM memainkan peranan penting dalam membanteras jenayah pemerdagangan manusia untuk eksploitasi seksual. Mereka juga mempunyai kepakaran dalam kes eksploitasi seksual berbanding agensi-agensi penguatkuasaan yang lain di bawah MAPO seperti JIM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan JTK. PDRM membela hak asasi mangsa dan menjamin keselamatan insan mangsa dan negara melalui usaha-usaha yang telah dilakukan dalam membanteras jenayah ini. Seterusnya perbincangan diteruskan dengan usaha-usaha yang dilakukan oleh Tenaganita berhubung isu pemerdagangan manusia untuk eksploitasi seksual khususnya dari aspek memberi bantuan dan kesedaran kepada mangsa serta menjamin hak asasinya.

Tenaganita<sup>5</sup> merupakan *watch dog* dan mewakili suara dari *grassroot*. Berhubung isu pemerdagangan manusia, peranan Tenaganita lebih dari aspek advokasi, pencegahan dan pemulihan (*intervention*) (Tenaganita, 29 April 2016). Justeru, pelbagai perbincangan dan kaedah yang telah diusulkan dilakukan bersama kerajaan Malaysia dalam usaha membanteras jenayah ini. Peranan Tenaganita dari aspek advokasi dibuktikan hasil dari pandangan, perbincangan, bengkel, tekanan kepada kerajaan bersama-sama NGO lain seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) untuk membanteras jenayah ini. Perkara ini telah menyebabkan kerajaan Malaysia akhirnya sedar dan mula bertindak proaktif dengan mewujudkan Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang sehingga menjadi Akta Antipemerdagangan Orang 2007 (Akta 670). Tenaganita menegaskan:

“Banyak perbincangan, perdebatan yang kita lakukan bersama kerajaan telah membawa kepada Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan menjadi Akta Antipemerdagangan Orang. Akta ini termasuk dalam undang-undang dan dasar negara”.

<sup>5</sup>Tenaganita merupakan sebuah organisasi yang melindungi hak-hak asasi wanita dan juga pendatang asing yang ditindas serta dieksploitasi oleh majikannya. Tenaganita telah memperjuangkan isu pemerdagangan manusia sejak 15 tahun dahulu. Tenaganita telah ditubuhkan pada tahun 1991.

Ini menunjukkan kerjasama antara Tenaganita dan kerajaan Malaysia dari konteks advokasi iaitu melalui idea, perbincangan, perdebatan oleh pihak Tenaganita telah mempengaruhi kerajaan Malaysia dalam pelaksanaan undang-undang dan dasar negara.

Selain itu, Tenaganita memainkan peranan penting dalam penggubalan Akta Anti-Pemerdagangan Orang khusus bagi negeri Selangor. Ini merupakan inisiatif dari kerajaan Selangor dengan mewartakan dan mengimplementasikan undang-undang ini kerana menyedari seriusnya jenayah ini dan perlu diberi perhatian serius. Kepakaran dari pihak Tenaganita digunakan semasa proses menggubal akta tersebut. Ini menunjukkan kepakaran dari pihak Tenaganita dihargai dan digunakan sebaik mungkin dalam usaha membanteras jenayah ini.

*ASEAN Vientiane Action Plan* merupakan satu usaha yang dilakukan dengan beberapa buah negara sumber aktiviti pemerdagangan manusia di rantau ini seperti Thailand, Singapura, Indonesia, Vietnam, Kemboja dan juga Laos. Tenaganita percaya bahawa usaha antara negara serantau ini merupakan satu perkara yang harus diambil perhatian serius untuk menangani masalah pemerdagangan orang. Selain itu, di peringkat serantau juga Tenaganita telah bergiat aktif dalam menyediakan agensi dan bidang tugas berhubung pemerdagangan orang. Tenaganita juga terlibat secara aktif dalam menyediakan tugas-tugas antara agensi di peringkat serantau berhubung pemerdagangan orang antaranya adalah:

1. Thailand – Malaysia – Singapura
2. Thailand – Malaysia – Singapura – Vietnam – Kemboja – Laos
3. Tenaganita – Singapura – Batam (dalam proses penyediaan)
4. Kempen peringkat global – UK *Metropolitan Police*

(Tenaganita, PDRM, *Malaysia Crime Prevention MCPF* 2007: 42)

Merujuk kepada elemen pencegahan, Tenaganita berusaha memberi pendedahan dan pendidikan kepada masyarakat berhubung pemerdagangan manusia dan berusaha menangani dan membanteras jenayah ini. Tenaganita telah melakukan pelbagai program kesedaran kepada masyarakat berhubung jenayah pemerdagangan manusia seperti sidang dialog, program penentangan dan persidangan berhubung isu pemerdagangan manusia. Menurut Tenaganita:

“Tenaganita telah melakukan sidang dialog dengan pelbagai institusi pada tahun 1993. Kita juga telah melancarkan program penentangan terhadap pemerdagangan manusia. Hurmm.. Pada tahun 1995 pula, kita telah melancarkan *first conference*, peningkatan pemerdagangan wanita di Malaysia”.

Dari aspek pemulihan atau intervensi pula, Tenaganita mempunyai rumah perlindungan dalam membantu mangsa dari pelbagai kategori termasuk eksploitasi seksual. Lokasi rumah perlindungan di tempat yang selamat. Mangsa-mangsa dibantu dari aspek makanan, pakaian dan barang keperluan harian, bantuan penjagaan psikologi dan kaunseling, bantuan penjagaan kesihatan, sokongan undang-undang, bantuan penghantaran pulang, pendidikan dan pemulihan (Tenaganita, 29 April 2016). Tenaganita menjelaskan:

Tenaganita telah menubuhkan satu pusat perlindungan untuk melindungi mangsa-mangsa pemerdagangan manusia pada bulan Mei 2006, kerjasama dengan IOM<sup>6</sup> dan telah melindungi seramai 26 orang mangsa. Kita sediakan rumah perlindungan dan mangsa di bawah jagaan dan perhatian. Mereka semua diberikan sokongan, ilmu dan juga latihan sampingan. Selain itu, kita juga menyediakan perkhidmatan kaunseling, bantuan perubatan, sesi ceramah dan motivasi dan kita usahakan sediakan tiket penerbangan untuk mangsa balik ke kampung masing-masing. Kita dedahkan mangsa dengan pelbagai kemahiran seperti komputer dan ajar bahasa Inggeris. Ni penting, mangsa diajar migrasi selamat. Maksudnya, jika mereka telah pulang ke negara asal, dan nak kembali bekerja di luar negara, mereka dah tahu nak guna *channel* yang sah dan lebih berhati-hati dengan sindiket ni. Kita percaya mangsa ini

<sup>6</sup> IOM ialah singkatan bagi *International Organization for Migrants* atau dalam bahasa Melayu dikenali sebagai Organisasi Antarabangsa untuk Migran.



kebanyakannya dari keluarga yang miskin. *So, possibility*, mereka bekerja di luar negara adalah tinggi dan kerana itulah kita bagi tunjuk ajar tentang proses migrasi yang sebenar dan selamat. Mangsa-mangsa ini boleh terus hubungi kerajaan atau NGO di negara asal mereka sekiranya ingin datang semula bekerja di Malaysia. Mereka akan diajar cara yang betul, permit, kontrak kerja dan lain-lain.. Jika mereka dah sampai Malaysia, kita akan hubungi mereka”.

Mangsa-mangsa ini akan dihantar pulang setelah selesai kes di Malaysia. Mangsa akan menaiki kapal terbang dengan selamat (*safe repatriation*). Tenaganita menjelaskan:

“Kita takkan biarkan hubungan dengan mangsa terhenti selepas menghantar mereka. Kita akan berhubungan dengan kerajaan atau NGO di sana dan membuat perjanjian untuk pastikan mangsa ini selamat sampai dan disambut kepeulangan mereka di lapangan terbang. Pekerja yang ditugaskan akan menghantar mangsa ke rumah perlindungan dahulu. Tujuannya, keselamatan mangsa. Kita kluatir pengikut ‘bapa ayam’ akan menjejaki mangsa sehingga ke kampung halamannya. *So*, kita *always* buat siasatan dan pemantauan mangsa. Nak jamin keselamatan mereka. Mangsa yang ditempatkan di rumah perlindungan akan diberikan latihan kemahiran, kaunseling serta bantuan sebelum pulang ke kampung halaman masing-masing. Sekiranya keselamatan mangsa tidak terjamin untuk pulang ke kampung. Maksudnya, kita dah buat pemantauan dan siasatan... Pihak kerajaan negara asal mangsa akan menghantar mangsa ke negara lain untuk bekerja di tempat lain dahulu.. NGO-NGO di negara asal mereka juga turut sama membantu mendapatkan pekerjaan untuk mereka. Inilah prosedurnya dan usaha yang kita lakukan dalam bantu mangsa pemerdagangan manusia termasuk mangsa eksploitasi seksual”.

Di sini jelas menunjukkan usaha yang telah dilakukan merupakan satu bentuk *empowerment* yang telah diambil oleh Tenaganita dalam membantu mangsa agar tidak terus dieksploitasi, diancam, memperjuangkan hak asasi mangsa di samping membebaskan mangsa dari dibelenggu dengan perasaan bersalah kerana diri kotor dan hina serta menenangkan emosi mangsa yang masih tidak stabil ekoran pelbagai seksaan yang dialami oleh mangsa sepanjang menjadi mangsa sindiket pemerdagangan manusia. Secara tidak langsung usaha yang telah dilakukan oleh Tenaganita ini membantu memulihkan semangat mangsa dan mereka menjadi semakin termotivasi dan yakin dengan diri. Selain itu, kemahiran yang diajar juga memberi informasi dan pengetahuan kepada mangsa agar mereka tidak ditipu dan menjadi mangsa sekali lagi, di samping membantu mangsa mendapatkan pekerjaan yang lebih baik.

Melalui perbincangan ini jelas menunjukkan Tenaganita memainkan peranan dalam usaha mencegah dan membanteras jenayah pemerdagangan manusia khususnya eksploitasi seksual dari aspek advokasi, pencegahan dan pemulihan. Jelas menunjukkan usaha yang dilakukan dalam membantu mangsa adalah untuk menjamin hak asasi mangsa. Seterusnya perbincangan berhubung kerjasama PDRM dan Tenaganita.

### **Kerjasama PDRM dan Tenaganita**

Kerjasama PDRM dan Tenaganita adalah dari aspek penguatkuasaan dan kesedaran. Dari aspek penguatkuasaan pula, Tenaganita mempunyai kerjasama yang baik bersama PDRM. Tenaganita sebagai salah satu sumber informasi untuk mendapatkan maklumat berhubung jenayah pemerdagangan manusia. Tenaganita menjelaskan:

“Tenaganita banyak kolaborasi dengan polis tapi ada juga kita hubungi dengan JIM dan APMM. Ikut pada kes. Tapi kita tak de kerjasama dengan rumah perlindungan atau KPWKM dan juga KDN.<sup>7</sup> Biasa kita dapat info, kita maklumkan pada polis. Nanti polis buat serbuan,

---

<sup>7</sup>KPWKM singkatan bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. KDN pula adalah singkatan bagi Kementerian Dalam Negeri.

mangsa akan dihantar ke rumah perlindungan bawah jagaan kami sepanjang tempoh soal siasat.”

PDRM 1, 2 dan 3 menegaskan bahawa mereka mempunyai kerjasama yang baik dengan Tenaganita. PDRM 1 menyatakan:

“Kerjasama dengan NGO, mereka bagi maklumat kepada kita. Yang paling aktif kini, NCWO. Tenaganita juga sama dan lain-lain. Tenaganita banyak bagi input pada polis. Mereka bagi info, kita akan buat siasatan dan operasi memberkas penjenayah dan menyelamatkan mangsa”. Sementara PDRM 2 menambah:

“Memang Tenaganita paling banyak bagi kita info berbanding NGO yang lain. Kita pun dah lama bekerjasama dengan mereka”.

Manakala dari aspek kesedaran pula, PDRM, Tenaganita serta agensi-agensi lain telah bekerjasama dengan mengadakan satu persidangan berhubung ‘*Stop Trafficking in Persons, A Transborder Crime in the Region* pada 21 September 2006 di Royale Bintang Hotel, Kuala Lumpur. Persidangan ini membawa kepada penghasilan atau penerbitan buku mengikut tajuk persidangan tersebut pada tahun 2007 (Tenaganita, PDRM & MCPF, 2007). Secara keseluruhannya, PDRM dan Tenaganita mempunyai kerjasama yang rapat dari aspek penguatkuasaan dan kesedaran di mana Tenaganita sebagai pemberi maklumat. Manakala PDRM pula berperanan menjalankan siasatan, operasi dan serbuan. Kedua-duanya mempunyai matlamat yang sama menyelamatkan mangsa, menangkap dalang yang terlibat dan membanteras jenayah ini.

## Kesimpulan

PDRM dan Tenaganita telah memainkan peranan penting dalam membanteras jenayah perdagangan manusia untuk eksploitasi seksual di Malaysia melalui usaha-usaha yang telah dilakukan. Fokus PDRM lebih kepada aspek penguatkuasaan dan kesedaran yang bertujuan menjamin hak asasi mangsa dan juga keselamatan insan dan negara. Sebaliknya, Tenaganita bertumpu kepada aspek advokasi, pencegahan dan pemulihan bertujuan untuk membela hak asasi mangsa. Manakala, daripada sudut kerjasama, ia lebih kepada penguatkuasaan dan kesedaran berbanding kerjasama yang lain. Secara keseluruhannya, usaha-usaha serta kerjasama yang telah dilakukan menunjukkan kesungguhan kedua-dua agensi dalam membanteras jenayah ini. Kerjasama bersama NGO khususnya Tenaganita perlu diperluaskan skopnya dengan agensi lain selain agensi penguatkuasaan.

## Rujukan

- Ahmad Shah Pakeer Mohamed, Sulhairil Hafiz Haji Sulaiman, Muhammad Fuad Othman, Mohd Ashraf Che Jumaat Yang & Hudrus Haron. (2011). The Phenomenon of Human Trafficking in Southeast Asian. *International Journal of Humanities of Social Science*. Vol.1 No. 13 (Special Issue-September 2011). [http://www.ijhssnet.com/journals/Vol\\_1\\_No\\_13\\_Special\\_Issue\\_September\\_2011/22.pdf](http://www.ijhssnet.com/journals/Vol_1_No_13_Special_Issue_September_2011/22.pdf) [Akses pada 11 Jun 2014].
- Azizah Kassim. (2001). Integration of foreign workers and illegal employment in Malaysia. In *International Migration in Asia Trends and Policies*. France: Organisation for Economic Co-operation and development. PP: 113-135.
- Department of States, United States of America. (2012). *Trafficking in Persons Report (TIP Report) 2012*. <https://www.state.gov/documents/organization/192587.pdf>[Akses pada 22 Julai 2013].
- Diana Wong & Gusni Saat, (2002). Malaysia Trafficking Routes: *Malaysia is a Country of Origin, Destination and Transit for Trafficking in Women and Children*. [www.protectionproject.org/wp-content/uploads/2010/09/Malaysia.pdf](http://www.protectionproject.org/wp-content/uploads/2010/09/Malaysia.pdf)[Akses pada 9 Mac 2013].
- Hodge, D. (2008). Sexual Trafficking in the United States: A Domestic Problem with Transnational Dimensions. *Social Work*, 53(2), 143-152.
- Hugh D. Barlow. (1984). *Introduction to Criminology*. Little Brown Company.
- Irene Fernandez (1995). Tenaganita: *Protecting the Rights of Women and Migrants & Tenaganita*. <http://www.tenaganita.net>. [Akses pada 13 Februari 2014].

- Jabatan Penerangan Malaysia. *Eksplotasi Seksual*. <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/pemerdagangan-orang/9842-bentuk-bentuk-pemerdagangan-orang-dan-penyeludupan-migran.html>. [Akses pada 21 Jun 2015].
- Kara, S. (2010). *Sex trafficking: Inside the business of modern slavery*. Boston: Columbia University Press.
- Kotrla, K. (2010). Domestic Minor Sex Trafficking in the United States. *Social Work*, 55(2), 181-187.
- Majlis Antipemerdagangan Manusia Negeri Selangor (MAPMAS), Jawatankuasa Bertindak. (2013). *Antipemerdagangan Manusia Negeri Selangor*. [https://pusatmediawanitaselangor.files.wordpress.com/2013/01/mapmasbooklet\\_1\\_bm\\_1.jpg](https://pusatmediawanitaselangor.files.wordpress.com/2013/01/mapmasbooklet_1_bm_1.jpg). [Akses pada 15 Mac 2013].
- Miko, F. T. & Park. G. (2003). *Trafficking in Women and Children: The US and International Response*. US: International Relations Foreign Affairs, Defense and Trade.
- Naim, M. (2006). *Illicit: How Smugglers, Traffickers and Copycats are Hijacking the Global Economy*. New York: Anchor Books Edition.
- Norcikeyonn Samuni & Nor-ina Kanyo. (2013). Usaha Malaysia Dalam Membanteras Jenayah Perdagangan Orang: Satu Tinjauan. *International Journal of Environment, Society and Space* 2013, 1 (1), (62-74).
- Nor Farhani Che Ad. (2017). 18 Mangsa Perdagangan Manusia Diselamatkan. Berita Harian. 19 November 2017. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/11/352678/18-mangsa-pemerdagangan-manusia-diselamatkan> [Akses pada 23 November 2017].
- Phinney, A. (2001). *Trafficking of Women and Children for Sexual Exploitation in the Americas*. Women, Health and Development Program Pan-American Health Organization <http://www.oas.org/en/cim/docs/Trafficking-Paper%5BEN%5D.pdf>. [Akses pada 5 Mei 2014].
- Reseman Ajiman, Rohani Abdul Rahim, Azizah Landa, Rovina Intung dan Herlina Makanah. (2015). *Pencegahan Perdagangan Orang dan Penyeludupan Migran di Malaysia: Penguatkuasaan dan Perundangan*. [http://eprints.uny.ac.id/28015/1/Reseman%20Ajiman%20Revised%20PAHMI15-%20Reseman%20\(full%20paper%202015\).docx](http://eprints.uny.ac.id/28015/1/Reseman%20Ajiman%20Revised%20PAHMI15-%20Reseman%20(full%20paper%202015).docx). [Akses pada 1 Januari 2016].
- Rohani Abdul Rahim, Muhammad Afiq Ahmad Tajuddin & Kamaruddin Hj. Abu Bakar. (2015). Combating Smuggling in Persons: A Malaysia Experience. SHS Web of Conferences 18, 01004 (2015). [http://www.shsconferences.org/articles/shsconf/pdf/2015/05/shsconf\\_icolass2014\\_01004.pdf](http://www.shsconferences.org/articles/shsconf/pdf/2015/05/shsconf_icolass2014_01004.pdf). [Akses pada 9 Disember 2015].
- Sheila Devi Michael. (2013). Human Trafficking in Malaysia: Trends and Challenges. *Proceeding of the Global Conference on Business, Economics and Social Sciences*. (GBSR 2013).
- Sheila Devi Michael. (2016). Malaysia and The Issue of Human Trafficking: *Root, Causes, Securitisation and Responses*. Ph.D Thesis. Kuala Lumpur: Faculty of Art and Social Sciences, University Malaysia.
- Sinar Harian. (2017). Polis Selamatkan Tiga Mangsa Eksplotasi Seks. 6 April 2017. <http://www.sinarharian.com.my/ultras/liga-malaysia/polis-selamatkan-tiga-mangsa-eksplotasi-seks-1.655295>. [Akses pada 7 April 2017].
- Suhana Saad & Ali Salman. (2014). Government policy and the challenge of eradicating human trafficking in Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space* 10 issue 6 (PP: 66-74).
- Tenaganita, Polis Diraja Malaysia (PDRM) & Malaysia Crime Prevention (MCPF). (2007). National Conference: *Stop Trafficking in Persons, A Transborder Crime in the Region*. Kuala Lumpur: Seasons Sdn. Bhd.
- Tenaganita. Anti Trafficking in Persons. <http://www.tenaganita.net/our-work/anti-trafficking-in-persons/> [Akses pada 29 April 2016].
- Unit Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran, Polis Diraja Malaysia (Unit ATIPSOM, PDRM). (2016). *Kontinjen Di Dalam PDRM yang mengendalikan kes ATIPSOM Dari Tahun 2010 Sehingga 2015*. Kuala Lumpur: PDRM.
- Unit Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran, Polis Diraja Malaysia (Unit ATIPSOM, PDRM). (2015). *Mangsa Perdagangan Manusia untuk Eksplotasi Seksual di Malaysia dari Tahun 2008 Sehingga 2015*. Kuala Lumpur: PDRM.
- Utusan Melayu. (2017). Polis Selamatkan 20 Mangsa Eksplotasi Seks di Ipoh. 11 Mac 2017. <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/polis-selamatkan-20-mangsa-eksplotasi-seks-di-ipoh-1.455275#ixzz5FiiM3u7q>. [Akses pada 12 Mac 2017].
- The United Nations Children's Fund (UNICEF). <http://www.unicef.org/malaysia/msl/media6441.html>. [Akses pada 9 Mac 2015].
- Wan Nur Ibtisam Wan Ismail. (2014). Human Trafficking Policy Implementation: *A Case Study of Malaysia*. Ph.D thesis. Faculty of Economics and Administration. Kuala Lumpur: University of Malaya.
- Zarina Othman, Nor Azizan Idris & Mohd Kamal Omar. (2015). *Pemerdagangan Orang dan Keselamatan Insan di Malaysia*. Dalam Zarina Othman & Nor Azizan Idris (ed.). *Migrasi dan Keselamatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.